

GARISPANDUAN PENGELUARAN SIJIL TEMPASAL DAN PENGESAHAN NOMBOR PENANDA PIT SPESIES TERJADUAL CITES

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini dinamakan Garis Panduan Pengeluaran Sijil Tempasal dan Pengesahan Nombor Penanda PIT.

2. AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA SPESIES TERANCAM 2008 (AKTA 686).

2.1 Seksyen 15 Akta 686 menetapkan Pihak Berkuasa Pengurusan boleh menghendaki mana-mana pemunya, pengimport, pengeksport atau pengeksport semula spesies terjadual untuk menjenamakan, melebelkan atau selainnya menandakan mana-mana spesies terjadual dengan memuaskan hati Pihak Berkuasa Pengurusan.

3. PIHAK BERKUASA PENGURUSAN

Jadual kedua Akta 686 menetapkan Jabatan Perikanan Malaysia adalah Pihak Berkuasa Pengurusan bagi spesies terjadual ikan, haiwan marin dan tumbuhan marin di Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

4. SPESIES TERJADUAL CITES

Spesies terjadual CITES yang dimaksudkan dibawah garis panduan ini ialah semua spesies ikan, haiwan marin dan tumbuhan marin yang tersenarai sebagai spesies terjadual di bawah Jadual Ketiga Akta 686, termasuk semua varieti ikan arowana yang dikenali dengan nama saintifiknya *Scleropages formosus*

5. PENANDA PIT (PASSIVE INTEGRATED TRANSPONDER TAG)

Adalah microcip kecil yang disuntikkan ke dalam otot ikan atau haiwan lain (mengikut kesesuaian). Microcip tersebut mengadungi siri nombor pengenalan unik 10 angka atau 15 angka atau kombinasi antara nombor dan huruf. Nombor pengenalan tersebut boleh dikesan menggunakan peralatan penalaan (scanner). Penanda PIT juga dikenali sebagai 'microchip', 'pit tag', 'penanda' atau 'id'.

6. SIJIL TEMPASAL DAN PENGESAHAN NOMBOR PENANDA PIT (STPNP)

- 6.1 Adalah suatu sijil yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan bagi mengesahkan tempasal (origin) dan nombor siri bagi pengenalan setiap individu spesies terjadual CITES yang hendak dieksport.
- 6.2 Konvensyen CITES membenarkan Pihak Berkuasa Pengurusan negara pengimport meminta pengesahan tempasal (origin) dan nombor siri bagi pengenalan setiap individu spesies terjadual CITES yang hendak dieksport ke negara tersebut.
- 6.3 Amalan biasanya, negara bakal pengimport tidak akan membenarkan spesies terjadual yang tidak memiliki Sijil Tempasal dan Pengesahan Nombor Siri Pengenalan setiap individu spesies terjadual, masuk ke negaranya.

7. PEGELUARAN SIJIL TEMPASAL DAN PENGESAHAN NOMBOR PENGENALAN AROWANA (*Scleropages formosus*).

7.1 Permeriksaan Rekod Ladang

7.1.1 Pegawai Perikanan hendaklah terlebih dahulu memeriksa daftar stok ikan arowana ladang. Semak samada nombor siri PIT yang dicatat dalam format Sijil Tempasal dan Pengesahan Nombor Penanda PIT (format FC 02/11) terdapat dalam daftar stok ladang.

7.1.2 Jika nombor siri Penanda PIT yang dicatat dalam format Sijil Tempasal dan Pengesahan Nombor Penanda PIT (format FC 02/11) tidak terdapat dalam daftar stok ladang; minta penjelasan dari pengurusan ladang. Jika tidak dapat penjelasan atau penjelasan tidak memuaskan; letak cop **NOMBOR PENANDA PIT DAN TEMPASAL MERAGUKAN** di dalam format Sijil Pengesahan Tempasal dan Nombor Penanda PIT (format FC 02/11) dan majukan salinan asal ke Cawangan CITES, Bahagian Biosekuriti, Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya. Satu salinan diserahkan kepada pengurusan ladang (pemohon). Jika tiada keraguan; teruskan dengan pemeriksaan sampel.

7.2 Permeriksaan Sampel

7.2.1 Sampel diambil secara rawak dari kolam-kolam penternakan / penyimpana di ladang pemohon. Minta bantuan pengurusan ladang untuk mengambil sampel. Jumlah sampel adalah seperti berikut:

Jumlah Permohonan (ekor)	Jumlah Sampel (ekor)
1 - 9	1
10 - 19	2
20 - 29	3
30 - 39	4
40 - 49	5
50 ke atas	(10 %)

7.2.2 Buat penalaan (scanning) pada setiap sampel dan bandingkan dengan nombor siri Penanda PIT yang dicatat dalam format Sijil Tempasal dan Pengesahan Nombor Penanda PIT (format FC 02/11). Jika tiada nombor siri atau nombor siri ada tetapi tidak padan dengan mana-mana nombor siri yang terdapat dalam permohonan; minta pengurusan ladang mengambil sampel lain (jumlah sampel yang nombor sirinya menepati seperti nombor siri Penanda PIT yang dicatat dalam format Sijil Tempasal dan Pengesahan Nombor PIT tidak boleh kurang dari jumlah sampel yang telah ditetapkan seperti jadual).

7.3 Pengeluaran Sijil Tempasal dan Pengesahan Nombor PIT

7.3.1 Setelah membuat Pemeriksaan Rekod Ladang dan Pemeriksaan Sampel; Jika Pegawai Perikanan

mendapati tiada keraguan dan berpuashati, hendaklah mengeluarkan Sijil Tempasal dan Pengesahan Nombor Penanda PIT dengan menandatangani format Sijil Tempasal dan Pengesahan Nombor Penanda PIT (format FC 02/11). Majukan satu salinan Sijil Tempasal dan Pengesahan Nombor Penanda PIT tersebut ke Cawangan CITES, Bahagian Biosekuriti, Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya. Salinan asalnya hendaklah diserahkan kepada pengurusan ladang (pemohon).

7.3.2 Jika Pegawai Perikanan mendapati ada keraguan iaitu kurang daripada 60 peratus nombor siri Penanda PIT sampel yang padan dengan senarai nombor siri Penanda PIT dalam format Sijil Tempasal dan Pengesahan Nombor Penanda PIT (format FC 02/11); letak cop **SAMPEL DAN / ATAU TEMPASAL MERAGUKAN** di dalam format Sijil Tempasal dan Pengesahan Nombor Penanda PIT (format FC 02/11) tersebut dan majukan ke Cawangan CITES, Bahagian Biosekuriti, Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya. Satu salinan hendaklah diserahkan kepada pengurusan ladang (pemohon).

8. PEMAKAIAN

Garis panduan ini berkuatkuasa mulai **1hb Julai 2011**

**Ketua Pengarah Perikanan
Malaysia
Pihak Berkuasa CITES
Jabatan Perikanan Malaysia
Putrajaya.**